

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/04/13 - 29

LANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN PREMIS LHDNM SEHINGGA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TAMAT

1. Merujuk kepada Perutusan Khas yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 10 April 2020 berkaitan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke 28 April 2020, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan turut melanjutkan penutupan premis LHDNM di seluruh negara sehingga tempoh PKP tamat.
2. Sungguhpun begitu, bagi memudahkan urusan percukaian dalam tempoh PKP ini, LHDNM akan terus menyediakan perkhidmatan seperti berikut:
 - I. Pusat Khidmat Panggilan atau **Hasil Care Line (HCL)** dengan waktu operasi dari Ahad hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara);

- II. Urusan duti setem di semua **kaunter Pejabat Setem Cawangan** (PSC) LHDNM kecuali PSC Teluk Intan yang akan ditutup mulai 14 April 2020. Jadual operasi PSC adalah seperti berikut:

Negeri	Waktu Operasi
Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya	Isnin – Jumaat: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Sabtu & Ahad: tutup
Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor	Ahad – Khamis: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Jumaat & Sabtu: tutup

3. Untuk makluman, tarikh akhir dan tambahan masa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) telah dilanjutkan dan Program Memfail Borang Nyata Bagi Tahun 2020 telah dikemaskini. Pembayar cukai boleh membuat semakan terperinci melalui pautan pantas seperti berikut:

Versi Bahasa Malaysia:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.2_1.pdf

Versi Bahasa Inggeris:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.2_2.pdf



4. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan isu-isu percukaian dan perkara-perkara berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) HASiL Live Chat;
- b) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>;
dan
- c) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

5. Pembayar cukai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan urusan percukaian dalam tempoh PKP ini dengan melayari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pada pautan Soalan Lazim (FAQ) seperti di bawah:

Versi Bahasa Malaysia: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_1.pdf

Versi Bahasa Inggeris: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_2.pdf

M A L A Y S I A
#

SEKIAN, TERIMA KASIH



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 13 April 2020



/LHDNM



@LHDNOfficial



LHDNM



LhdnTube